



Ruj. Kami : JANM.TAW.800-1/1 (6)  
Tarikh : 24 Jun 2021


Ketua Pusat Pembayar Gaji,  
Tawau/Semporna/Kunak/Lahad Datu

Tuan/ Puan,

### PEMAKLUMAN BERKENAAN PELAKSANAAN PROGRAM PERGERAKAN GAJI TAHUNAN (ZRPY070)


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat pejabat ini dengan rujukan **JANM.TAW.600-1(38) bertarikh 23 Februari 2021** dan **MPK HCM V2.1** adalah berkaitan.

2. Selaras dengan surat pemakluman seperti rujukan di atas, program Pergerakan Gaji Tahunan (ZRPY070) telah mula di laksanakan pada bulan April 2021. Walaubagaimanapun, terdapat proses kerja di dalam carta alir tersebut yang telah menimbulkan kekeliruan di peringkat PTJ. Oleh yang demikian, berikut dimajukan perincian proses larian program PGT (ZRPY070) yang telah di ekstrak daripada MPK HCM V2.1 untuk perhatian dan rujukan pihak tuan/puan;

Bil	Tindakan	Tanggungjawab	Carta Aliran
54.	<b>K) Proses Pergerakan Gaji Tahunan</b>  Terima senarai pegawai yang layak menerima PGT daripada Panel Penilaian Sumber Manusia (PPSM).	<b>Unit Kewangan PTI</b>	
55.	Jana laporan ZRPY070 (PGT Calculation) (MP HCM -007 Para 3.11) untuk mendapatkan senarai pegawai dan bandingkan dengan senarai daripada PPSM. Kenal pasti pegawai yang tidak layak menerima PGT.  Pastikan pegawai penyedia dan pengesah menandatangani laporan tersebut.	<b>Unit Kewangan PTJ</b>	
56.	Jana semula ZRPY070 (PGT Calculation) dan kunci masuk nombor gaji pegawai yang tidak layak pada medan <b>Exclude</b> (MP HCM -007 Para 3.11). Rujuk nota penting 5.7.	<b>Unit Kewangan PTJ</b>	
57.	Jana semula laporan ZRPY070 (PGT Calculation) untuk semakan akhir.	<b>Unit Kewangan PTI</b>	

Ruj. Kami : JANM.TAW.800-1/1 (6)  
 Tarikh : 24 Jun 2021

58.	Kemas kini PGT (PGT Update) pegawai (MP HCM -007 Para 3.11).	Unit Kewangan PTJ
59.	Cetak laporan PGT Update dan pastikan pegawai penyemak dan pengesah menandatangani laporan tersebut. Failkir laporan. Kew. 320 tidak perlu disediakan.	Unit Kewangan PTJ
60.	PTJ perlu menyediakan senarai pegawai yang layak menerima tunggakan PGT dan perubahan elauan-elaun berkaitan.	Unit Kewangan PTJ
61.	Kemas kini tunggakan PGT dan elauan-elaun di dalam sistem boleh dilakukan secara:	AO
	1) AO melaksanakan ZRPY068 (Rujuk MPK-HCM11 (D-Kemas Kini Infotype Secara Batch)); atau	
	2) PTJ kunci masuk di PA30 (Rujuk MPK-HCM04 (B-Bukan melalui HRMIS))	
62.	Jana dan cetak Laporan Edit. (MP HCM-002 Para 3.11).	Unit Kewangan PTJ
63.	Sambung di MPK HCM 01 di langkah 7 dan seterusnya.	AO
64.	Hantar laporan ZRPY070 yang telah dikemas kini ke PPSM untuk tindakan pengeluaran Kew.8 dan pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan.	Unit Kewangan dan Unit Sumber Manusia



3. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggjawab PTJ untuk:-

- Menyemak dengan betul maklumat di Laporan ZRPY070 (PGT Calculation) dengan maklumat daripada Bahagian Sumber Manusia PTJ bagi mengenalpasti pegawai yang tidak layak PGT untuk diisi pada medan *Exclude*.
- PTJ hendaklah mencetak Laporan PGT Calculation yang telah dijana untuk semakan dan pengesahan oleh Pegawai Pengesah sebelum larian sebenar PGT Update dilaksanakan (Rujuk tindakan 55 -59).

Ruj. Kami : JANM.TAW.800-1/1 (6)  
Tarikh : 24 Jun 2021

- iii. Kew. 320 tidak perlu disediakan kecuali kes Tunggakan Gaji dan Elaun yang cai kunci masuk oleh PTJ melalui PA30.
  - iv. Seterusnya laporan yang telah dikemaskini perlu dihantar ke Bahagian Sumber Manusia PTJ untuk tindakan pengeluaran Kew.8 dan pengemaskinian buku perkhidmatan.
4. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara-perkara tersebut di atas, boleh menghubungi Unit Gaji (Puan Jahara / Puan Saina / Puan Salmiati) di talian 089-775620 atau mengemukakan sebarang pertanyaan melalui emel [gaji\\_taw@anm.gov.my](mailto:gaji_taw@anm.gov.my).
5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan ke atas perkara ini amatlah di harapkan bagi mengelakkan teguran audit pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT:DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”***

Saya yang menjalankan amanah,

(**NIZAM BIN LIMUN C.A (M), ACMA, CGMA**)  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Cawangan Tawau

s.k : Fail